



23 April 2021
23 April 2021
P.U. (A) 190

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2021

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi sukuk wakala yang mempunyai nilai nominal sehingga Dolar Amerika Syarikat satu bilion dan tiga ratus juta (US\$1,300,000,000.00), selain stok pinjaman boleh ubah, yang diterbitkan mengikut prinsip *Wakala* oleh Malaysia Wakala Sukuk Berhad.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Ketidakpakaian

4. Seksyen 109 Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Dibuat 22 April 2021

[MOF.TAX(S)700-3/1/547; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-111; PN(PU2)80/C]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 3) Order 2021**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2021.

Application

2. This Order shall apply to sukuk wakala of nominal value up to one billion and three hundred million United States Dollar (US\$1,300,000,000.00), other than convertible loan stock, issued in accordance with the principle of *Wakala* by Malaysia Wakala Sukuk Berhad.

Exemption

3. (1) The Minister exempts any person from the payment of income tax in the basis period for a year of assessment in relation to gains or profits derived, in lieu of interest, from the sukuk wakala.

(2) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

Non-application

4. Section 109 of the Act shall not apply to the income exempted under this Order.

Made 22 April 2021

[MOF.TAX(S)700-3/1/547; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-111; PN(PU2)80/C]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*